
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

**Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2007/2008**

April 2008

HST 327 – ISU-ISU DALAM SEJARAH AWAL ASIA TENGGARA

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan sahaja.

1. "Penemuan rangka manusia dan tapak paleolitik di Gua Gunung Runtuh dan Kota Tampan, Perak **tidak** mengubah apa-apa tafsiran dalam sejarah lama di Asia Tenggara." Sejauh manakah anda bersetuju dengan pernyataan di atas?
2. "Pengaruh Sinisisasi lebih bersifat *imposition* [sesuatu yang dipaksakan] sedangkan pengaruh Indianisasi lebih bersifat *generation* [perubahan bercorak evolusi]." Dengan mengambil mana-mana dua buah negara di Asia Tenggara sebagai contoh bandingkan kesannya dari segi agama dan politik.
3. Sejauh manakah hubungan *patron-client* antara Melayu dan Dayak di Brunei menentukan kejayaan Brunei menjadi sebuah empayar di Borneo pada kurun ke-15 hingga 16?
4. "Sehingga kini terdapat lima buah lokasi yang dicadangkan oleh para sarjana untuk menggantikan kedudukan Palembang sebagai ibu kota Srivijaya." Bahaskan secara kritis.
5. "Konsep Devaraja **amat** menentukan kemajuan atau kemerosotan sesebuah kerajaan di Asia Tenggara." Dengan mengambil kerajaan-kerajaan di Asia Tenggara sebagai contoh bincangkan pernyataan di atas.
6. "Kajian mengenai Kedah Tua membuktikan bahawa sumbangannya dalam bidang ekonomi jauh **lebih penting** berbanding agama." Sejauh manakah anda bersetuju dengan pernyataan di atas?
7. "Raja adalah penyembah berhala, sedangkan pedagang adalah orang Islam." Merujuk kepada pernyataan di atas,uraikan bagaimana peralihan dan penyebaran Islam boleh terjadi di Nusantara.
8. Bahaskan faktor-faktor kemunculan sistem perhambaan dan pengikisan [penghapusan] perhambaan di Asia Tenggara.